



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

JERAYAWARA KASIH KPWKM @ANTIGANGGUAN SEKSUAL DITERUSKAN DI SELANGOR, KPWKM SERU MASYARAKAT HENTI NORMALISASI GANGGUAN SEKSUAL

SERDANG, 3 OGOS – Selepas Pulau Pinang dan Sarawak, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) meneruskan siri Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual ke negeri Selangor. Program yang berlangsung di MAEPS Serdang, Selangor pada hari ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tinjauan Global yang dibuat oleh Pejabat Buruh Antarabangsa (International Labour Office [ILO]) pada tahun 2022 mendapati lebih satu daripada lima orang atau lebih 20 peratus pekerja wanita telah mengalami sekurang-kurangnya sekali gangguan atau keganasan seksual yang dilakukan oleh ketua atau rakan sekerja mereka.

Manakala di Malaysia pula, statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan terdapat 477 kes gangguan seksual dilaporkan pada tahun 2022, dengan 127 daripadanya dilaporkan di Selangor. Statistik ini membuktikan bahawa yang setiap tahun lebih 90 peratus daripada kes gangguan seksual melibatkan mangsa dalam kalangan kaum wanita. Selain itu, kes gangguan seksual yang melibatkan kanak-kanak juga adalah di kadar membimbangkan dengan 35 kes dilaporkan pada tahun 2022 di seluruh negara.

Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual diadakan secara berkala ini merupakan platform untuk menghebahkan perkhidmatan yang disediakan KPWKM berkaitan gangguan seksual seperti perkhidmatan sokongan psikologi dan kaunseling. KPWKM menyambut baik usaha Kerajaan Negeri Selangor yang telah menganjurkan program-program advokasi anti gangguan seksual seperti siri perbincangan meja bulat dan webinar di peringkat komuniti melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB) dan Akademi Kepimpinan Wanita (AKW) bersama agensi kerajaan dan juga NGO-NGO Wanita.

Program peringkat Negeri Selangor hari ini turut dihadiri oleh YB Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dan YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM.

##

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

3 OGOS 2023